

DITUDUHKAN RASUAH...

ARKIB N...



DATUK TEO

JOHOR BAHRU, Selasa — Pengerusi MCA Johor, Datuk Teo Ah Khleng, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di bawah Ordinan (Kuasa Perlu) Darurat 1970, atas tuduhan melakukan dua rasuah ketika memegang jawatan Exco Kerajaan Negeri pada tahun 1980 dan 1981.

Datuk Teo yang dibela oleh Enck L.M. Ong dan Enck Freddy Long, tidak mengaku salah dan minta dibicarakan. Dia kemudian dibenarkan ikat jamin \$20,000 dengan seorang penjamin sementara menunggu perbicaraan dua minggu dari 2 hingga 16 Januari depan.

Bekas Pengerusi Jawatankuasa Tenaga dan Alam Sekitar itu dituduh melakukan rasuah ketika menjadi Exco Kerajaan dengan mengambil bahagian membuat keputusan Jawatankuasa Exco Kerajaan Negeri, di mana dia mempunyai kepentingan.

Keputusan tersebut berhubung kelulusan permohonan Wijaya Development Sdn. Bhd. di mana isterinya, Chiam Heng Hwa, mempunyai 90,000 unit saham, bagi menukar syarat dan memecah-bahagikan kawasan empat ekar tiga rood di Lot 538, Mukim Tangkak, Muar.

Dia dituduh melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Sekyen 2 (1) Ordinan (Kuasa Perlu) Darurat No. 22, 1970, di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri di Bukit Timbalan, jam 2.30 petang, 17 September 1980.

Dia juga dituduh melakukan rasuah semasa menjadi Ahli Exco berkaitan kelulusan satu permohonan dari syarikat yang sama bagi penukaran dan pecah-bahagian kawasan seluas lima ekar, satu rood, 10 pole, di Lot 114 dan kawasan seluas lima ekar, 31 pole di Lot 115 Mukim Tangkak, Muar, di tempat yang sama pada jam 9.30 pagi, 30 September, tahun lalu.

Datuk Teo, kalau sabit kesalahannya di bawah ordinan ini, boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi 14 tahun atau denda \$20,000 atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwaraya Abdul Khalid Manni, mengemukakan surat keizinan dari Pendakwaraya untuk Datuk Teo dituduh di bawah Ordinan Darurat, seperti yang dikehendaki di bawah Seks 9 (1).

Enck Ong memberitahu mahkamah, Datuk Teo minta dibicarakan setelah tuduhan diperdengarkan kepada Datuk Teo.

Bellau meminta jamin dikurangkan kepada \$5,000 atau \$10,000 kerana tidak mungkin Datuk Teo tidak akan menghadirkan diri di mahkamah.

Enck Ong dengan izin Timbalan Pendakwaraya, mencadangkan perbicaraan ditetapkan pada 4 hingga 9 Disember tahun ini.

Timbalan Pendakwaraya bersetuju sambil berkata, pihak BPR juga ingin kes ini diselesaikan segera.

Enck Ea membenarkan ikat jamin \$20,000 dengan seorang penjamin. Jumlah jaminan itu sama dengan kadar yang dikenakan oleh polis selepas Datuk Teo ditangkap, petang semalam.

Mengenai tarikh perbicaraan, Enck Ea menetapkan tahun depan.

Hanya sebilangan kecil sahaja ahli MCA ha-

● LIHAT MUKA 5

DITUDUH RESAH

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

DIEKORI

JURUGAMBAR

● DARI MUKA 1

dir di mahkamah untuk mendengar tuduhan terhadap Datuk Teo dibacakan.

Seorang pemimpin MCA berkata, cuma sahabat karib dan pemimpin atasan parti mengetahui Datuk Teo ditangkap oleh Badan Pencegah Rasuah petang semalam, dan sedikit saja mengetahui dia akan dituduh di bawah Ordinan (Kuala Perlu) Darurat 1970, pagi ini.

Bersalaman

Datuk Teo tiba tepat jam 9 pagi, diiringi dua peguamnya, Encik L.M. Ong dan Encik Freddy Long, yang juga Ketua Pergerakan Pemuda MCA Johor Baharu.

Kelihatan riang serta yakin, Datuk Teo sempat bersalaman dengan rakan-rakannya, beberapa orang pemimpin parti dan wartawan.

Turut hadir, Ketua Pergerakan Pemuda MCA Johor, Encik Jimmy Low, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerjaya Kerajaan Ne-

geri.

Selepas dituduh, Datuk Teo dijamin oleh Encik Lew Sia Heng, seorang pemimpin veteran parti.

Datuk Teo yang pada mulanya mengizinkan jurugambar akhbar mengambil gambarnya, resah sedikit apabila juru-jurugambar mengekori beliau.

Beliau kedengaran berkata, "Cukuplah... tidak habis nampaknya...

kalau saya seorang tua, tentu saya akan mati sakit jantung."

Datuk Teo ditangkap di Ibu Pejabat Polis di sini pada pukul 3.45 petang semalam dan dibebaskan dengan jaminan polis sebanyak \$20,000 dengan dua penjamin.

Datuk Teo, seorang politikus veteran dan pernah menjadi Ahli Majlis Kerja Kerajaan Johor sehingga pilihanraya

umum tahun ini, sekarang adalah Pengarah Urusan Kwong Lee Bank di sini.

Beliau dilantik sebagai Wakil Rakyat Labis pada tahun 1964, kemudian bertanding dalam pilihanraya tahun-tahun 1969, 1974 dan 1978 dengan memenangi Kerusi Negeri Air Panas.

Beliau tidak bertanding dalam pilihanraya tahun ini, tetapi dikekalkan sebagai Pengerusi MCA Negeri.